

09 OKTOBER 2017

Feri laluan masuk dadah ke Langkawi

Feri laluan masuk dadah ke Langkawi

LANGKAWI - Siapa sangka Langkawi yang merupakan destinasi pelancongan terkenal, adalah daerah di Kedah yang mencatatkan jumlah tangkapan tertinggi bagi kes penyalahgunaan dadah.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Asisten Komisioner Dr Che Ghazali Che Awang berkata, seramai 758 orang diberkas dalam tempoh antara Januari dan September tahun ini dengan 118 orang disyaki terlibat mengedar dadah.

Menurutnya, siasatan terhadap 593 kes yang dicatatkan setakat ini, heroin adalah dadah paling banyak dirampas.

Turut mengejutkan katanya, apabila perkhidmatan feri yang berulang-alik antara tanah besar dan pulau itu dilaporkan turut menjadi mode pengangkutan dadah.

"Kita telah mengenal pasti feri-feri ini menjadi laluan sering digunakan untuk membawa masuk dadah ke Langkawi, sama ada dari Kuala Kedah, Kuala Perlis atau Satun (Thailand)," katanya.

 **Setakat ini hanya ada sebuah alat pengimbas yang dipasang di laluan keluar pulau melalui jeti." - Che Ghazali**

Sehubungan itu, Che Ghazali berkata, polis telah jalankan operasi ujian saringan dadah dalam kalangan pekerja syarikat feri.

Beliau berkata, cadangan untuk memasang sebuah lagi alat pengimbas telah dikemukakan kepada pihak pengurusan Jeti Penumpang Kuah bagi mengimbas penumpang yang baru tiba.

"Setakat ini hanya ada sebuah alat pengimbas yang dipasang di laluan keluar pulau melalui jeti dan dengan adanya sebuah lagi alat pengimbas di laluan masuk, kita dapat membendung kemasukan bahan terlarang ini ke Langkawi," katanya. - *Bernama*